

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Jabatan Pendaftar
Sent: Tuesday, May 14, 2019 9:54 AM
To: UUM - All Staff
Subject: PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 7/2019 - PINDAAN TERHADAP PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 3/2018 – ARAHAN MENGGUNAKAN KEMUDAHAN PENGINAPAN DI EDC HOTEL KL BAGI SEMUA URUSAN TUGAS RASMI SERTA PENGANJURAN KURSUS, BENGKEL, MESYUARAT DAN SEMINAR UUM DI KL



Jabatan Pendaftar
REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia

14 MEI 2019
09 RAMADHAN 1440H

PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 7/2019 - PINDAAN TERHADAP
PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 3/2018 – ARAHAN MENGGUNAKAN
KEMUDAHAN PENGINAPAN DI EDC HOTEL KUALA LUMPUR BAGI SEMUA
URUSAN TUGAS RASMI SERTA PENGANJURAN KURSUS, BENGKEL,
MESYUARAT DAN SEMINAR UUM DI KUALA LUMPUR

Semua
Staf Universiti Utara Malaysia

YBhg. Dato' Seri/Dato'/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera



JABATAN PENDAFTAR
REGISTRAR'S OFFICE
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
MALAYSIA



Tel: 604-928 3101/3199
Faks (Fax): 604-928 3104
Laman Web (Web): www.pendaftar.uum.edu.my

Ruj. Kami : UUM/PEN/P-7/6
Tarikh : 9 Mei 2019

Semua Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan/Pengetua Inasis
Semua Staf
Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Dato'/Yang Berusaha Prof./Tuan/Puan

PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 7/2019

**- PINDAAN TERHADAP PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 3/2018 –
ARAHAN MENGGUNAKAN KEMUDAHAN PENGINAPAN DI EDC HOTEL
KUALA LUMPUR BAGI SEMUA URUSAN TUGAS RASMI SERTA
PENGANJURAN KURSUS, BENGKEL, MESYUARAT DAN SEMINAR UUM DI
KUALA LUMPUR**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimaha yang telah Y. Bhg. Dato'/Y. Berusaha Prof./tuan/puan sedia maklum, Pekeliling Pendaftar Bil. 3/2018 telah menetapkan bahawa semua staf UUM dari semua kategori yang menjalankan tugas rasmi di Kuala Lumpur dan kawasan di sekitarnya termasuk beberapa kawasan di Selangor, diwajibkan untuk menginap di EDC Hotel Kuala Lumpur. Begitu juga dengan penganjuran kursus, bengkel, mesyuarat atau seminar UUM di Kuala Lumpur, hendaklah dilaksanakan di hotel ini.

3. Setelah dipertimbang semula berdasarkan faktor penjimatan serta keselamatan, maka Lembaga Pengarah Universiti (LPU) bersetuju untuk membuat pindaan berikut:-

- a) Mesyuarat LPU Khas Bil. 5/2018 pada 2 November 2018 bersetuju bahawa semua staf yang menjalankan tugas rasmi di Kuala Lumpur dan Putrajaya boleh membuat tuntutan elaun lojing sekiranya tidak menginap di EDC Hotel Kuala Lumpur.

Universiti Pengurusan Terkemuka
The Eminent Management University



b) Mesyuarat LPU Ke-117 Bil. 1/2019 pada 17 Februari 2019 pula telah bersetuju:-

- i) untuk membenarkan staf yang yang menjalani tugas rasmi melebihi dua (2) hari di luar Kuala Lumpur (tidak termasuk hari perjalanan) diberikan pengecualian dari arahan menginap di EDC Hotel Kuala Lumpur. Manakala staf yang bertugas rasmi kurang daripada tempoh tersebut dikehendaki menginap di EDC Hotel Kuala Lumpur dan jika mereka ingin menginap di hotel lain, staf perlu mendapatkan kebenaran Naib Canselor.
- ii) bahawa staf yang menggunakan geran penyelidikan untuk tujuan bayaran penginapan tidak tertakluk kepada syarat wajib tinggal di EDC Hotel Kuala Lumpur.

4. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.

"KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"
"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menjalankan amanah



(BAHARUDIN BIN YAACOB)
Pendaftar
Universiti Utara Malaysia

s.k - Naib Canselor
- Semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.